# SUKATAN PELAJARAN

# SIVIK DAN PENDIDIKAN MORAL

## Primari

## 2007

© Hak Cipta 2006 Bahagian Pembangunan dan Pengembangan Kurikulum. Penerbitan ini bukan untuk dijual. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan, Singapura.

# Kandungan

| | Halaman |
|---|---|
| Gambaran Keseluruhan | B-1 |
| Isi Sukatan | |
| *Hormat-Menghormati* | B-12 |
| *Tanggungjawab* | B-21 |
| *Integriti* | B-33 |
| *Sifat Penyayang* | B-42 |
| *Daya Bingkas* | B-53 |
| *Harmoni* | B-62 |

# Gambaran Keseluruhan

# SUKATAN PELAJARAN SIVIK DAN PENDIDIKAN MORAL (PRIMARI)

## PENGENALAN

Nilai merupakan asas perwatakan seseorang. Ia menentukan kepercayaan dan sikapnya terhadap kehidupan, orang-orang di sekelilingnya dan dunia luar. Pengajaran Sivik dan Pendidikan Moral (CME) memberi tumpuan kepada pembangunan kesejahteraan moral murid kita dengan membolehkan mereka memperolehi nilai-nilai murni dan berpegang pada nilai-nilai tersebut bagi memandu mereka membuat pilihan yang wajar di samping menentukan tingkah laku dan sikap mereka terhadap diri mereka sendiri, orang lain dan persekitarannya. Walaupun keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan moral seorang kanak-kanak, sekolah juga mempunyai peranan yang sama pentingnya dalam melengkapkan diri kanak-kanak itu dengan pengetahuan dan kemahiran hidup, serta menyemai sikap yang baik dalam dirinya agar dia menjadi seorang individu dan warga negara yang berhemah tinggi, penyayang dan bertanggungjawab.

## RASIONAL

Sukatan Pelajaran Sivik dan Pendidikan Moral (Primari) ini dilakarkan bagi mengukuhkan hidup golongan muda kita dengan berlandaskan prinsip-prinsip moral yang baik. Adalah penting bagi mereka berhemah tinggi dan memahami kerelevanan nilai-nilai moral dalam sebuah masyarakat moden. Murid-murid kta juga harus dipersiapkan dengan kecekapan sosial dan emosi bagi membolehkannya hidup dengan berpegang pada nilai-nilai moral tersebut.

Pertimbangan-pertimbangan yang berikut diambil kira dalam proses pengembangan sukatan pelajaran Sivik dan Pendidikan Moral ini termasuklah:

- **Kemunculan trend** yang mungkin menjejas persekitaran sosial dan norma hidup, seperti
  - kadar penduduk yang meningkat tua
  - struktur keluarga yang berubah disebabkan ibu bapa yang bekerja, keluarga nuklear dan kadar perceraian yang tinggi
  - globalisasi
  - persaingan lebih sengit dalam ekonomi berteraskan ilmu, mobiliti pekerjaan yang tinggi dan penstrukturan semula ekonomi
  - kemajuan pesat dalam bidang teknologi (contohnya, Teknologi Maklumat dan Sains Hayat)
- Penyejajaran dengan **Hasil Pendidikan Yang Diingini** (HPYD) di mana pada akhir peringkat persekolahan rendah, murid harus:
  - dapat membezakan antara yang betul dengan yang salah
  - belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain
  - dapat menjalin persahabatan dengan orang lain
  - mempunyai sifat ingin tahu
  - dapat berfikir dan melahirkan perasaan dan idea mereka
  - berbangga dengan kerja mereka
  - dapat memupuk tabiat yang baik
  - mencintai Singapura
- Penyediaan peluang untuk murid-murid mempelajari nilai dan kemahiran yang dilakarkan dalam rangka kerja **Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL)**
- Penyejajaran antara **keperluan murid** pada tahap-tahap perkembangan yang berbeza dan pertimbangan pedagogi,

contohnya, kesesuaian bahasa, pemilihan tajuk, bentuk aktiviti, kerja projek antara-disiplin dan penilaian.

- Keunikan **warisan berbilang bangsa** negara kita yang memegang teguh nilai-nilai seperti berbakti pada negara, masyarakat mendahului diri, menghargai kepelbagaian budaya, perpaduan keluarga, ketaan anak yang bertanggungjawab, menghormati dan menyayangi warga tua, memupuk generasi muda, jimat cermat, ketekunan, menghormati pihak berkuasa, dan keyakinan terhadap kestabilan masyarakat
- Penerapan Celik Ekonomi, Celik Kewangan dan isu-isu etika dalam Sains Hayat.

## MATLAMAT SIVIK DAN PENDIDIKAN MORAL

Matlamat menyeluruh CME adalah untuk melahirkan seorang yang budiman, bersifat penyayang dan bertanggungjawab dalam tindak-tanduknya terhadap diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia. Matlamat ini cuba menjawab soalan-soalan berikut bagi memandu murid dan guru memahami dan memenuhi jangkaan terhadap CME:

- **Siapakah saya?**
  - Apakah nilai dan kepercayaan saya? Adakah nilai dan kepercayaan ini menjadikan saya seorang yang budiman?
  - Bagaimanakah saya menggunakan nilai dan kepercayaan saya?
  - Apakah matlamat saya? Sejauh manakah pentingnya matlamat ini?
  - Bagaimana saya dapat menyiapkan diri untuk masa depan?
  - Bagaimana saya menjalin hubungan dengan orang lain dan persekitaran?
- **Apakah peranan saya dan bagaimana saya dapat menyumbang kepada**
  - keluarga saya?
  - masyarakat saya?
  - negara?
  - dunia?
- **Siapakah kita sebagai sebuah negara?**
  - Apakah yang membentuk jati diri kebangsaan kita?
  - Apakah makna negara ini pada kita?
  - Bagaimanakah kita dapat memainkan peranan dalam masyarakat global?

## RANGKA SUKATAN PELAJARAN

### Menyemai Nilai Murni

Sukatan pelajaran CME ini didasarkan pada prinsip bahawa kepercayaan, sikap dan tingkah laku seseorang individu lahir daripada nilai peribadinya. Oleh itu penting bagi kita memberi tumpuan kepada menyemai nilai peribadi yang murni dalam diri murid bagi membangun watak yang baik. Bagi menghayati dan mengamalkan nilai murni, murid perlu mengetahui apakah itu nilai murni, dapat bermuhasabah dan memahami peri pentingnya mempertahankan nilai murni serta disediakan peluang mengamalkan nilai tersebut. Ini dapat dihasilkan melalui pemahaman tentang hubungan antara pengetahuan moral, perasaan moral dan tindakan moral[2] dalam melahirkan seorang individu yang budiman. (Lihat **Rajah 1**)

---

[2] Lickona, Thomas. *Educating for Character:How Our Schools Can Teach Respect and Responsibility.* New York: Bantam Books, 1992. 53-62

**Pengetahuan Moral (Moral Knowing)** merujuk kepada aspek kognitif tentang moraliti (akhlak) yang melibatkan pemahaman tentang apa yang betul dan baik. Murid akan dapat mentakrifkan nilai murni, mengungkapkan prinsip akhlak yang baik dan menjelaskan ciri-ciri watak terpuji dan akhlak yang baik. Kemahiran-kemahiran yang dikaitkan dengan penaakulan moral, pemikiran kritis, pengambilan keputusan yang bertanggungjawab dan penyelesaian masalah, serta komunikasi yang berkesan juga membentuk bahagian yang penting dalam pengetahuan moral.

**Perasaan Moral (Moral Feeling)** merujuk kepada aspek afektif tentang moraliti yang menghubungkan[3] antara pengetahuan moral dengan tindakan moral. Ini melibatkan kepercayaan teguh dan komitmen untuk mempertahankan nilai murni dan merangsang kita bertindak selaras dengan nilai dan kepercayaan yang kita pegang. Perasaan moral juga merangsang kita mempertimbangkan akibat tindakan kita dan perasaan orang lain apabila berhadapan dengan isu-isu moral. Kemahiran bermuhasabah penting bagi membina kesedaran diri dan membantu kita menyelaraskan pemikiran dan tindakan kita.

**Tindakan Moral (Moral Action)** merujuk kepada melakukan perkara yang betul, di mana keputusan dan tindakan kita adalah berdasarkan pengetahuan moral dan perasaan moral. Ia bukan sahaja mengandungi azam dan kemahiran yang diperlukan untuk
melakukan tindakan moral, tetapi termasuk juga pembentukan tabiat baik[4] hasil daripada melakukan tindakan moral secara konsisten. Implikasinya, murid perlu disediakan dengan peluang yang banyak dan pelbagai bagi mengamalkan nilai murni. Kemahiran yang relevan untuk tindakan moral termasuk




**Rajah 1**: Hubungan antara pengetahuan moral, perasaan moral dan tindakan moral

kemahiran sosial dan komunikasi yang ada hubungannya dengan penetapan matlamat dan penyelesaian konflik.

Apabila tingkah laku dan tindakan bermoral dilakukan secara konsisten berlandaskan pengetahuan dan perasaan moral, seorang individu itu, sebagaimana yang digambarkan di bahagian teras segi tiga (lihat **Rajah 1**), akan membangun sebagai seorang yang budiman. Oleh itu kita perlu memastikan nilai yang betul berada di tempatnya supaya murid kita dapat sentiasa berkelakuan baik. Kedudukan individu di teras itu juga menekankan perlunya membangun seorang yang berakhlak dari dalam dirinya. Kita ingin memupuk motivasi dalaman dalam diri murid kita agar mereka akan bertindak berdasarkan kepercayaan dan sistem nilai mereka sendiri, bukan hasil paksaan atau ganjaran dari pihak luar.

---

[3] Ryan, Kevin and Thomas Lickona. “Character Development: The Challenge and the Model”. *Character Development in Schools and Beyond*. Washington, DC: The Council for Research in Values and Philosophy, 1992. 19.

[4] Ryan, Kevin and Thomas Lickona. “Character Development: The Challenge and the Model”. *Character Development in Schools and Beyond*. Washington, DC: The Council for Research in Values and Philosophy, 1992. 20.

**Mengamalkan Nilai**

Bagi memupuk nilai murni, kita perlu mengamalkan nilai-nilai yang dipelajari dalam konteks situasi kehidupan harian dalam keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**, bulatan-bulatan sepusat yang merentas keluar menekankan peranan sosial seorang individu semasa dia berinteraksi dengan dunia di sekelilingnya. Dia akan diajar menimbangkan peranannya, dan akibat tindakan yang diambil terhadap dirinya sendiri dan orang lain dalam keluarganya, sekolah, masyarakat, negara dan dunia. Dia akan terangsang untuk mengambil berat perasaan orang lain apabila membuat keputusan dan juga akan mensejajarkan tindakannya dengan nilai hidupnya.

**OBJEKTIF**

Bagi mencapai matlamat memupuk perwatakan yang baik dalam diri murid kita, penting bagi murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang relevan yang ada hubungannya dengan pengetahuan moral, perasaan moral dan tindakan moral. Objektif CME bagi pengetahuan moral, perasaan moral dan tindakan moral ada dinyatakan seperti berikut:

**Objektif bagi Pengetahuan Moral**

Pada akhir program CME (Primari), murid akan dapat:
- mengetahui apa yang betul dan baik
- membentuk prinsip moral yang baik
- mengetahui prinsip yang diperlukan dalam membuat keputusan moral yang baik
- memahami pentingnya keluarga dan peranan mereka dalam keluarga tersebut
- mempertimbangkan pelbagai perspektif apabila membuat keputusan moral
- bersikap terbuka dan tidak prejudis apabila mengambil kira pendapat orang lain
- mengamalkan penaakulan moral dan pemikiran kritis apabila membuat keputusan
- memahami perlumya mengekalkan perpaduan sosial dan pentingnya keharmonian kaum dan agama
- mengetahui nilai-nilai yang penting kepada kesejahteraan negara termasuk Susila Rakyat dan Susila Keluarga Singapura
- mengetahui peranan mereka dalam masyarakat, negara dan dunia

**Objektif bagi Perasaan Moral**

Pada akhir program CME (Primari), murid akan dapat:
- membangun kepercayaan yang teguh dan komitmen untuk memelihara dan mengamalkan nilai moral
- menyedari perlunya menjelaskan nilai dan tindakan mereka dengan memahami perasaan mereka, agar mereka dapat mengambil pendirian moral secara sedar
- mempertimbangkan perasaan orang lain apabila berdepan dengan isu-isu moral
- membentuk kemahiran *intrapersonal* seperti, muhasabah diri

**Objektif bagi Tindakan Moral**

Pada akhir program CME (Primari), murid akan dapat:
- membuat keputusan dan bertindak berdasarkan pengetahuan moral dan perasaan moral
- mengamalkan nilai-nilai murni
- memupuk tabiat baik hasil daripada sering melakukan tindakan moral secara konsisten
- memupuk kemahiran-kemahiran sosial dan komunikasi yang baik
- bertanggungjawab terhadap tindakan mereka
- menggalakkan harmoni dan perpaduan sosial dalam masyarakat berbilang bangsa dan berbilang agama




**Rajah2:** Peranan sosial seorang individu

## NILAI

Sukatan pelajaran CME memberi tumpuan kepada enam nilai teras, iaitu Hormat-Menghormati, Tanggungjawab, Integriti, Sifat Penyayang, Daya Bingkas dan Harmoni, yang membentuk asas bagi pembangunan watak yang baik. Nilai-nilai ini melengkapi dan mengukuhkan Susila Rakyat, Susila Keluarga Singapura, Visi Singapura 21 dan mesej Pendidikan Nasional. Nilai teras ini akan memandu murid-murid menilai baik buruknya sesuatu, dan akan membantu mereka bukan sahaja untuk membuat pilihan yang bertanggungjawab, tetapi juga menjadi lebih sedar tentang peranan mereka dalam masyarakat. Nilai-nilai, konsep-konsep dan sikap-sikap lain yang ada hubungannya dengan nilai-nilai teras, contohnya, keupayaan menyesuaikan diri, keusahawanan dan kreativiti juga akan diajar bagi mengukuhkan lagi dan membantu pemahaman murid tentang enam nilai teras tersebut.

Definisi enam nilai teras tersebut adalah seperti berikut:

***Hormat-menghormati (Respect)***
Seorang itu menunjukkan rasa hormat apabila dia percaya pada harga dirinya dan harga diri orang lain.

***Tanggungjawab (Responsibility)***
Seorang yang bertanggungjawab sedar akan tugas terhadap dirinya sendiri, keluarganya, masyarakat, negara dan dunia serta memenuhi tanggungjawabnya dengan kasih sayang dan iltizam.

***Integriti (Integrity)***
Seorang yang amanah akan berpegang teguh pada prinsip etika dan berkeberanian moral untuk menegakkan kebenaran.

***Sifat Penyayang (Care)***
Seorang yang penyayang bertindak dengan kebaikan dan belas kasihan. Dia menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan dunia.

***Daya Bingkas (Resilience)***
Seorang yang bersemangat waja mempunyai kekuatan emosi dan ketabahan dalam menghadapi cabaran. Sifatnya menggambarkan keberanian, sikap optimis, keupayaan menyesuaikan diri dan kebijaksanaan.

***Harmoni (Harmony)***
Seorang yang menghargai harmoni mengekalkan hubungan baik dan menggalakkan pergaulan masyarakat. Dia menghargai perpaduan dan kepelbagaian sebuah masyarakat berbilang budaya.

## PEMBELAJARAN SOSIAL DAN EMOSI (SOCIAL AND EMOTIONAL LEARNING – SEL)

Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL) merupakan pemerolehan kemahiran untuk mengenal dan mengurus emosi, memupuk rasa sayang dan prihatin terhadap orang lain, membuat keputusan yang bertanggungjawab, menjalin hubungan yang positif, dan menangani situasi yang mencabar secara berkesan.

Kecekapan-kecekapan sosial dan emosi adalah:

***Kesedaran diri (Self awareness)***
Para pelajar yang mempunyai pemahaman yang jelas tentang kekuatan, kecenderungan dan kelemahannya sendiri akan membentuk konsep diri yang positif, harga diri dan rasa keberkesanan diri. Menyedari tentang hakikat emosi dan tingkah laku diri sendiri adalah sangat penting bagi mengawal tingkah laku seseorang itu.

***Pengurusan diri (Self management)***
Para pelajar yang cekap dalam pengurusan diri membolehkan mereka mengurus emosi mereka, melaksanakan disiplin diri, menjalankan tanggungjawab sendiri dan mengembangkan kemahiran mengatur bagi meningkatkan hasil peribadi.

***Kesedaran sosial (Social awareness)***
Para pelajar yang menyedari keperluan, nilai, kekuatan dan kelemahan orang lain dapat menghormati dan memupuk kefahaman yang mendalam terhadap orang tersebut. Dengan menghormati perasaan orang lain, dan aspirasi peribadi mereka membolehkan para pelajar menyemai rasa empati dan menghargai kepelbagaian. Kesedaran sosial amat penting bagi membentuk hubungan antara perorangan (*interpersonal*) yang baik.

***Pengurusan hubungan (Relationship management)***
Kemahiran pengurusan hubungan yang berkesan sangat penting bagi pembangunan kesejahteraan sosial seseorang. Ia melibatkan kemahiran-kemahiran komunikasi, urusan sosial, pembinaan hubungan, kerjasama, perundingan dan pengurusan konflik yang berkesan.

***Membuat keputusan yang bertanggungjawab (Responsible decision-making)***
Membuat keputusan yang bertanggungjawab amat penting bagi kesejahteraan individu dan masyarakat. Ia memerlukan kemahiran berfikir yang kritis yang membolehkan seseorang itu membuat keputusan yang bertanggungjawab dan tepat, serta menilai keputusan-keputusan ini berdasarkan pertimbangan-pertimbangan peribadi, sosial, moral dan etika. Ia juga melibatkan menterjemahkan keputusan-keputusan ini menjadi tindakan dan pegangan serta melakukannya berlandaskan keberanian serta keyakinan.
Pengajaran kecekapan sosial dan emosi melengkapi pengajaran nilai dan memudahkan penterjemahan setiap nilai menjadi tindakan.

## PENGAJARAN SIVIK DAN PENDIDIKAN MORAL

**Pendekatan Pengajaran**
Dalam pengajaran Sivik dan Pendidikan Moral, pendekatan berdasarkan proses lebih diutamakan daripada pendekatan berdasarkan isi. Pendekatan berdasarkan isi memfokus pada pembelajaran fakta-fakta serta maklumat yang kebanyakannya berpusatkan guru. Pendekatan proses berpusatkan murid dan memfokus pada mempelajari “mengapa” dan “bagaimana” daripada “apa”. Ini bertujuan untuk memudahkan pembelajaran pelbagai kemahiran dan bagi menghayati nilai-nilai melalui tindakan. Pendekatan-pendekatan ini seberapa boleh harus digunakan secara gabungjalin.

- **Penerapan Budaya**

Pendekatan Penerapan Budaya ini menekankan pemupukan nilai-nilai murni yang bermakna dalam warisan budaya dan menjadi pegangan masyarakat kita. Nilai-nilai ini diterapkan

pada diri murid melalui pelbagai cara seperti main peranan, berkongsi amalan budaya dan menjaga disiplin. Pendekatan Penerapan Budaya ini juga merujuk kepada budaya sekolah yang akan menggalakkan dan memudahkan perkembangan moral yang positif dalam diri murid. Guru boleh memudahkan penghayatan nilai murni melalui aktiviti merenung kembali atau bermuhasabah.

- **Naratif[4] (Bercerita)**

Pendekatan Bercerita ini berdasarkan pemahaman bahawa manusia memahami kehidupan di dunia ini melalui cerita atau pembinaan cerita. Di sini, murid memahami dan menjelaskan nilai-nilai miliknya sendiri melalui proses bercerita dan bermuhasabah. Mereka dibimbing dalam mengenal pasti kepercayaan dan nilai yang menjadi pegangannya sendiri apabila menceritakan pengalaman mereka, membina cerita atau mengambil kira cerita orang lain. Pendekatan bercerita memerlukan penanyaan soalan-soalan terbuka, penjelasan, meringkaskan, menokok tambah sumbangan setiap orang dan menggalakkan murid untuk memberi respons kepada satu sama lain.

- **Timbang Rasa (Mengambil Perkspektif)**

Pendekatan Timbang Rasa memfokus pada rasa empati dan bertujuan untuk membentuk seorang yang bersifat penyayang. Soalan penting yang boleh digunakan dalam pendekatan ini ialah, “Bagaimana perasaan kamu jika kamu berada dalam situasi ini atau jika kamu orang yang terlibat?”. Murid akan mempelajari bahawa membuat keputusan yang betul (wajar) melibatkan seorang itu mengambil kira kesan keputusan tersebut pada diri orang lain. Dengan mengambil kira perspektif orang lain, murid itu cuba memahami pemikiran serta perasaan orang itu dan ini akan membolehkannya menghasilkan pandangan yang seimbang tentang situasi tersebut.

- **Pembelajaran Tindakan[5]**

Pendekatan Pembelajaran Tindakan memfokus pada pembelajaran melalui pengalaman. Murid terlibat dengan projek-projek sekolah dan masyarakat. Pendekatan ini membolehkan murid menghayati nilai-nilai melalui aplikasi kemahiran dan pengetahuan yang dipelajarinya dalam kehidupan sebenar. Murid bermuhasabah, menilai dan membuat keputusan tentang sistem nilai miliknya sendiri dan menyampaikannya pada orang lain.

- **Perkembangan Kognitif (Penaakulan Moral)**

Pendekatan Perkembangan Kognitif, berdasarkan teori perkembangan moral Kohlberg [6], menggunakan proses penaakulan moral bagi membantu murid maju daripada tahap perspektif yang mementingkan diri sendiri ke tahap perkembangan moral yang lebih tinggi yang memfokus pada perspektif masyarakat dan sejagat.

- **Penjelasan Nilai (Membuat Keputusan yang Bertanggungjawab)**

Pendekatan Penjelasan Nilai ini bertujuan untuk membimbing murid menjelaskan nilai-nilai mereka dengan cara meneliti perasaan serta pola perilaku peribadi mereka dengan menggunakan pemikiran rasional dan kesedaran emosi. Guru membimbing murid membuat keputusan berdasarkan sistem nilai yang baik, termasuk nilai-nilai yang dipertahankan oleh masyarakat.

---

[4] Vitz, Paul C. “The Use of Stories in Moral Development: New Psychological Reasons for an Old Education Method”. *American Psychologist* 45: 709 – 720. 1990

[5] Revans, R. *ABC of Action Learning*. London: Lemos & Crane, 1998

[6] Kohlberg, L. “The child as a moral philosopher”. *Psychology Today.* 1968. 25 – 30

**Strategi Pengajaran**

Dalam pelajaran CME, para guru digalakkan menggunakan pelbagai strategi yang menerapkan pembelajaran bersama, pemprosesan seluruh otak, dan pembelajaran berdasarkan pengalaman. Ini akan membantu murid memperolehi pengetahuan dan kemahiran, bekerjasama dengan orang lain, melakukan aktiviti pemikiran kreatif dan kritis, dan mengamalkan apa yang telah mereka pelajari dalam situasi kehidupan harian bagi perkembangan dan pertumbuhan moral mereka. Penerapan strategi-strategi ini harus juga mengambil kira cara belajar yang berbeza, minat dan tahap kematangan murid-murid.

**PELAKSANAAN**

**Pendekatan Seluruh Sekolah**

Pendekatan seluruh sekolah perlu bagi pendidikan nilai yang berkesan. Selain daripada pengajaran CME yang formal, program sekolah yang meluas menyediakan murid dengan peluang belajar melalui pengalaman supaya mereka dapat menghayati nilai yang diajar dan menterjemahkannya menjadi tindakan. Tambahan pula, pihak pentadbiran sekolah dan para guru memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk pembangunan moral murid.

- **Program Pelibatan Masyarakat (CIP)**

Program Pelibatan Masyarakat (CIP) dijalankan di dalam dan di luar kurikulum sekolah. Program ini memerlukan setiap murid menyertainya secara aktif dan bermakna dengan menyumbang kepada masyarakat untuk sekurang-kurangnya selama 6 jam setiap tahun akademik. Program ini menyediakan murid dengan peluang belajar melalui pengalaman bagi membangun watak, kemahiran dan komitmen sebagai warga negara yang bertanggungjawab dan pemimpin masa depan. Ini membantu memupuk semangat kesukarelaan.

- **Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning)**

Pembelajaran Berkhidmat adalah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pelibatan masyarakat sebagai wahana bagi mewujudkan satu persekitaran belajar yang kaya bagi murid. Pembelajaran berlaku apabila aktiviti CIP dikembangkan bagi mengaitkan secara eksplisit antara hasil pembelajaran, iaitu matlamat perkhidmatan dan akademik dengan pengalaman melalui pelibatan dengan masyarakat. Pendekatan berstruktur ini mengambil kira perlunya melibatkan murid dengan perkhidmatan yang memenuhi keperluan sebenar masyarakat, mengenal pasti hasil pembelajaran bagi mengaitkannya dengan pengalaman berkhidmat murid kepada kurikulum sekolah, menyiapkan murid secara mental dan fizikal untuk melakukan tugas-tugas perkhidmatan dan menyediakan satu proses berstruktur bagi murid melakukan muhasabah diri.

- **Program dan Aktiviti Lain**

Antara program dan aktiviti yang menyumbang ke arah pendekatan seluruh sekolah dalam pendidikan nilai termasuk

- Aktiviti Kokurikulum (CCA)
- Penjagaan Pastoral & Bimbingan Kerjaya (PCCG)
- Pendidikan Keseksualan (Sexuality Education)
- Pendidikan Nasional (NE)

**Kaitan Rentas Kurikulum**

Dalam pengajaran CME, guru digalakkan mengaitkannya dengan mata pelajaran serta program lain bagi menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Murid akan dapat menghubungkan dan merentas pelbagai bidang ilmu serta menjana pengetahuan baru. Dengan menggunakan kaitan rentas kurikulum, pembangunan moral dan kreativiti murid akan dipertingkatkan, kerana mereka akan belajar menerapkan nilai-nilai yang dikuasai dalam CME dalam bidang pembelajaran yang lain.

## Jadual

Sukatan pelajaran ini akan dilaksanakan pada tahun 2006 mulai dari Darjah 1 dan 2. Jadual pelaksanaan sukatan pelajaran ini adalah seperti berikut.

| Peringkat | Tahun Perlaksanaan |
|---|---|
| Primari 1 and 2 | 2007 |
| Primari 3 and 4 | 2008 |
| Primari 5 and 6 | 2009 |

## Bahasa Pengantar

Pelajaran akan dijalankan dalam bahasa-bahasa ibunda (MT) yang rasmi, iaitu, Melayu, Cina dan Tamil.

## Masa Kurikulum

Pelajaran Sivik dan Pendidikan Moral diajar sebanyak dua waktu di peringkat primari bawah (P1 - P3) dan tiga waktu di peringkat primari atas (P4 - P6).

## Bahan Sumber

Bahagian Perancangan dan Pengembangan Kurikulum (CPDD) menerbitkan bahan sumber bagi pengajaran Sivik dan Pendidikan Moral. Bahan pengajaran merangkumi pakej digital dan bercetak untuk kegunaan guru dan buku untuk murid.

Pakej bahan pengajaran digital termasuk sumber multimedia dan modul pembelajaran mengikut tahap perkembangan murid. Para guru amat digalakkan untuk menggunakan bahan digital yang disediakan untuk pengajaran yang bermakna dan berkesan.
Guru juga boleh menggunakan bahan sumber lain yang sesuai terbitan bahagian-bahagian lain di MOE, kementerian lain, Media Corporation of Singapore dan Singapore Press Holdings.

## PENILAIAN

Penilaian dalam pelajaran CME perlu mengambil kira sifat kompleks penerapan dan pembelajaran nilai. Murid dinilai berdasarkan keupayaan mereka menunjukkan pemahaman tentang nilai dan prinsip moral, dan menggunakan proses yang digunakan dalam penaakulan moral, membuat keputusan yang bertanggungjawab dan penyelesaian masalah. Penilaian harus meluas dan berbilang dimensi, serta direka bentuk berdasarkan keperluan dan tahap perkembangan murid. Oleh kerana CME menitikberatkan pembangunan watak, penekanan harus diberikan pada penilaian formatif.

## Penilaian Formatif

Dalam penilaian formatif, fokusnya adalah untuk membantu murid belajar secara bertahap-tahap. Ini terjadi apabila guru memberi maklum balas tertentu secara konsisten kepada murid semasa proses belajar atau melibatkan mereka dengan aktiviti bermuhasabah. Ini dapat dilakukan melalui maklum balas lisan, rubrik atau senarai semak. Penilaian formatif harus dijalankan secara berterusan, hari demi hari melalui pelbagai strategi yang menyediakan peluang pelibatan murid dan memandu mereka membincangkan isu-isu yang kompleks lagi mencabar. Ini akan meningkatkan kaitan antara pembelajaran dan penilaian.

Penilaian formatif bertujuan untuk:

- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pembelajaran murid;
- menyediakan maklum balas bagi guru dan ibu bapa untuk melakukan campur tangan awal;
- merangsang murid belajar sendiri dan memperbaiki prestasi masa depan;
- membantu pelajar membangun kesedaran diri.

Antara kaedah penilaian formatif yang sesuai adalah

- penilaian portfolio
- penulisan jurnal
- muhasabah diri
- penilaian diri dan rakan sebaya
- main peranan
- projek
- pembelajaran berkhidmat

# Hormat-Menghormati

Seorang itu menunjukkan rasa hormat apabila dia percaya pada harga dirinya dan harga diri sejati orang lain.

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Menghargai diri saya sendiri | Murid akan dapat:<br><br>• memahami dan menghargai diri mereka sendiri | • <u>Bagaimanakah saya menggambarkan diri sendiri?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– sifat fizikal<br>– kegemaran<br><br>• <u>Apa yang saya gemar mengenai diri saya sendiri?</u><br>Ini termasuk:<br>– perkara-perkara yang boleh saya lakukan<br>– bakat/kebolehan saya<br>– mengembangkan kekuatan saya dan memberikan yang terbaik | • Sifat Penyayang<br>• Tanggungjawab<br>• Konsep diri<br>• Yakin diri<br>• Harga diri<br>• Hormat diri<br>• Nilai diri<br>• Setiap warga Singapura penting (Singapura 21)<br>• Memupuk tabiat baik (HPYD)<br>• Kesedaran diri |

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Menghargai orang lain | Murid akan dapat:<br><br>• memahami dan menghargai orang lain | • <u>Mengapa penting bagi saya menunjukkan penghargaan pada orang lain?</u><br>Kita harus menghargai sumbangan setiap orang kepada keluarganya, sekolah dan masyarakat.<br><br>• <u>Bagaimana cara saya dapat menghargai orang lain?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– mengucapkan terima kasih atas sumbangan mereka<br>– menunjukkan sikap sayang dan prihatin terhadap mereka<br>– sensitif terhadap perasaan mereka | • Sifat Penyayang<br>• Integriti<br>• Permuafakatan bukan pertikaian (Susila Rakyat)<br>• Keharmonian kaum dan agama (Susila Rakyat)<br>• Hormat-menghormati (Susila Keluarga Singapura)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Menjalin persahabatan dengan orang lain (HPYD)<br>• Ikatan masyarakat<br>• Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama (PN)<br>• Deklarasi Keharmonian Agama<br>• Kesedaran sosial<br>• Pengurusan hubungan |

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 3. Menghargai sekolah saya | Murid akan dapat:<br><br>• mengenali dan menghargai sekolah<br><br>• mengamalkan cara-cara yang dapat memenuhi jangkaan (harapan) sekolah | • <u>Apa yang saya suka tentang sekolah saya?</u><br>Antara ciri-cirinya:<br>– kakitangan sekolah, contohnya, pengetua, guru, atendan, pemandu bas sekolah<br>– persekitaran sekolah<br>– budaya sekolah<br><br>• <u>Bagaimana saya boleh menjadi pelajar yang baik?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– mematuhi peraturan sekolah<br>– berasa bangga memakai uniform sekolah<br>– menjaga nama baik sekolah<br>– berasa bangga menyanyikan lagu sekolah<br>– berkelakuan baik di luar sekolah, contohnya ketika menaiki bas sekolah semasa darmawisata | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Integriti<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Kesedaran sosial |

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 4. Mencintai Singapura | Murid akan dapat:<br>• menghargai Singapura<br>• memahami prinsip-prinsip unggul negara kita<br>• berusaha dan mengamalkan cara-cara mempertahankan prinsip-prinsip unggul negara kita | • <u>Apa yang saya suka mengenai Singapura?</u><br>Singapura:<br>– bersih<br>– mantap dan aman<br>– sebuah bandar taman<br>– sebuah masyarakat berbilang bangsa<br>• <u>Apa yang saya tahu mengenai Singapura?</u><br>Saya tahu mengenai:<br>– pencapaian negara<br>– warisan dan budaya<br>• <u>Bagaimana saya harus tunjukkan rasa hormat terhadap Singapura?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– menyanyikan lagu kebangsaan dan membaca ikrar dengan rasa bangga<br>– mempertahankan nama baik negara, terutama ketika berada di luar negeri | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Integriti<br>• Tanggungjawab<br>• Negara mendahului kaum, masyarakat mendahului diri (Susila Rakyat)<br>• Denyutan Jantung Singapura (Singapura 21)<br>• Mencintai Singapura (HPYD)<br>• Singapura tanah air kita; di sini tempat kita (PN)<br>• Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama (PN)<br>• Deklarasi Keharmonian Agama |

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Membina hormat diri | Murid akan dapat:<br>• mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka<br>• menunjukkan iltizam terhadap kemajuan diri | • Apakah perkara yang dapat saya lakukan dengan baik?<br>Perkara-perkaranya:<br>– hasil kerja yang memuaskan<br>– bakat saya<br>– kekuatan saya<br>• Bagaimana saya dapat meningkatkan (memajukan) diri?<br>Dengan cara membina kekuatan dan mengenal pasti kekurangan diri sendiri, saya akan mendapat rasa hormat diri. Ini dapat dilakukan dengan cara:<br>– menyedari kebolehan saya<br>– mengetahui cara meningkatkan (memajukan) diri sendiri | • Sifat Penyayang<br>• Tanggungjawab<br>• Harga diri<br>• Hormat diri<br>• Nilai diri<br>• Setiap warga Singapura penting (Singapura 21)<br>• Memupuk tabiat baik (HPYD)<br>• Kesedaran diri |

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Bertimbang rasa | Murid akan dapat:<br><br>• memahami perlunya bersikap sensitif terhadap orang lain<br><br>• menunjukkan kepekaan terhadap orang lain | • <u>Mengapa saya perlu sedar tentang apa yang disukai atau dibenci oleh orang lain?</u><br>Antara sebab-sebabnya:<br>– untuk membina hubungan yang harmoni<br>– untuk mendapat kepercayaan dan hormat dari- pada orang lain<br>– untuk menghargai mereka seadanya<br><br>• <u>Bagaimana saya harus melayani orang lain dengan timbang rasa dan kepekaan?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– berbudi bahasa kepada orang lain<br>– bersabar terhadap orang lain<br>– sedar akan perasaan mereka<br>– meminta izin untuk menggunakan barang-barang mereka | • Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Permuafakatan bukan pertikaian (Susila Rakyat)<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Keharmonian kaum dan agama (Susila Rakyat)<br>• Hormat-menghormati (Susila Keluarga Singapura)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Menjalin persahabatan dengan orang lain (HPYD)<br>• Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama (PN)<br>• Deklarasi Keharmonian Agama.<br>• Kesedaran sosial<br>• Pengurusan hubungan |

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 3. Membanggakan sekolah saya | Murid akan dapat:<br>• memahami wawasan dan matlamat sekolah<br>• menunjukkan cara-cara berpegang pada wawasan sekolah<br>• mencapai matlamat sekolah | • <u>Apakah harapan (jangkaan) sekolah terhadap diri saya?</u><br>Antaranya:<br>– menjadi seorang murid yang baik dan bertanggungjawab<br>– menjadi seorang warga negara yang baik dan bertanggungjawab<br>– sentiasa berkelakuan baik<br>• <u>Bagaimana saya harus memenuhi harapan (jangkaan) sekolah saya?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– mengetahui wawasan dan matlamat sekolah<br>– bekerjasama dengan kakitangan sekolah yang lain bagi mencapai wawasan dan matlamat sekolah | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Integriti |

# HORMAT-MENGHORMATI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 4. Membanggakan negara saya | Murid akan dapat:<br><br>• mempertahankan prinsip-prinsip unggul negara kita dan beriltizam untuk mencapainya | • Apakah yang dapat saya lakukan agar negara berbangga terhadap diri saya?<br>Antara cara-caranya:<br>– menggunakan kekuatan (kelebihan) dan bakat bagi menyumbang kepada kemajuan negara kita<br>– menilai warga-warga lain dan menghargai kepercayaan, budaya dan agama mereka<br>– bekerjasama dengan warga-warga lain bagi menyumbang kepada pembangunan negara | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Integriti<br>• Tanggungjawab<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Denyutan Jantung Singapura (Singapura 21)<br>• Warga yang Aktif: Merubah Masyarakat (Singapura 21)<br>• Mencintai Singapura (HPYD)<br>• Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita (PN)<br>• Celik Ekonomi |

# Tanggungjawab

Seorang yang bertanggungjawab sedar akan tugasnya terhadap dirinya sendiri, keluarganya, masyarakat, negara dan dunia serta memenuhi tanggungjawabnya dengan kasih sayang dan iltizam.

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Menjadi seorang anak yang bertanggung-jawab | Murid akan dapat:<br>• mengamalkan tanggungjawab diri<br>• mengetahui peranan mereka dalam keluarga<br>• menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka dalam keluarga | • <u>Bagaimana saya harus bertanggungjawab terhadap diri saya sendiri?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– melakukan perkara -perkara yang dapat saya lakukan sendiri<br>– menyemai tabiat baik dalam menabung<br>• <u>Apakah peranan saya dalam keluarga?</u><br>Antara peranannya:<br>– anak<br>– cucu<br>– adik-beradik | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Hormat-menghormati<br>• Keluarga tunjang masyarakat (Susila Rakyat)<br>• Susila Keluarga Singapura<br>• Keluarga Utuh: Asas Kita dan Masa Depan Kita (Singapura 21)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Pengurusan diri<br>• Kesedaran sosial |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Apakah tanggungjawab saya dalam keluarga?<br>Antara tanggungjawab saya termasuk:<br>– mendengar nasihat ibu bapa<br>– menjadi pelajar yang amat berminat dan tekun<br>– mencintai ibu bapa, adik-beradik dan anggota keluarga yang lain<br>– membantu ibu bapa melakukan kerja-kerja rumah yang termampu | |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Menjadi anggota kumpulan yang baik | • Murid akan dapat:<br><br>• memahami pentingnya kerja berkumpulan<br><br>• memahami pentingnya menjadi seorang anggota kumpulan yang baik<br><br>• menunjukkan sifat-sifat seorang anggota kumpulan yang baik | • <u>Mengapa kerja berkumpulan penting?</u><br>Kerja berkumpulan membantu kita mencapai lebih daripada apa yang dapat dicapai oleh seorang individu.<br><br>• <u>Mengapa menjadi seorang anggota kumpulan yang baik itu penting?</u><br>Seorang anggota kumpulan yang baik:<br>– membantu kumpulan itu mencapai matlamatnya.<br>– membantu mewujudkan suasana bekerja yang selesa dan harmoni | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Kejujuran<br>• Hormat-menghormati<br>• Berbaik-baik dengan orang lain<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Permuafakatan bukan pertikaian (Susila Rakyat)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Menjalin persahabatan dengan orang lain (HPYD)<br>• Pengurusan hubungan |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • <u>Bagaimana saya boleh menjadi seorang anggota kumpulan yang baik?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– menggalakkan satu sama lain<br>– -menghargai sumbangan satu sama lain<br>– mengakui kesilapan kita<br>– berkongsi tanggungjawab<br>– mendengar dengan aktif<br>– bersikap terbuka (lapang dada)<br>– melakukan yang terbaik<br>– memilih ketua yang baik contohnya, ketua murid, ketua darjah, anggota majlis | |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 3. Bertanggung-jawab sosial | Murid akan dapat:<br>• memahami pentingnya tanggungjawab sosial<br>• menunjukkan tanggungjawab sosial | • Apakah tanggungjawab sosial? Antara contoh-contoh bertanggungjawab sosial di sekolah:<br>– menjaga harta benda sekolah contohnya, tidak mengotori, tidak merosakkan, menggunakan buku-buku perpustakaan dengan baik<br>– memulangkan pinggan mangkuk setelah menggunakannya di kantin<br>– mengamalkan tabiat menjaga kebersihan yang baik, contohnya, menggunakan tisu ketika bersin.<br>– mengambil bacaan suhu badan sebagai tindakan pencegahan bila diperlukan | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Hormat-menghormati<br>• Negara mendahului kaum, masyarakat mendahului diri (Susila Rakyat)<br>• Warga Aktif: Merubah Masyarakat (Singapura 21)<br>• Memupuk tabiat baik (HPYD)<br>• Kesedaran sosial |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • <u>Mengapa saya harus menjalankan tanggungjawab sosial?</u><br>Antara sebab-sebabnya:<br>– bagi mewujudkan persekitaran yang lebih baik<br>– bagi menyumbang kepada kebajikan orang lain<br><br>• <u>Apa yang perlu saya lakukan untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab sosial?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– menggunakan harta benda sekolah dengan baik<br>– menjaga kebersihan sekolah | |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 4. Patuh terhadap peraturan dan undang-undang | Murid akan dapat:<br><br>• mengetahui pentingnya diadakan peraturan dan undang-undang<br><br>• mematuhi peraturan dan undang-undang | • Apakah antara peraturan dan undang-undang yang seseorang harus patuhi?<br>Antara contoh-contohnya:<br>– peraturan sekolah<br>– undang-undang dan peraturan negara contohnya, undang-undang keselamatan jalan raya, membuang sampah, berludah, vandalisme, menganiaya binatang<br><br>• Mengapa peraturan dan undang-undang perlu dipatuhi?<br>Antara sebab-sebabnya:<br>– untuk keselamatan peribadi (diri)<br>– untuk memastikan tatatertib yang baik di sekolah contohnya, mematuhi cara beratur ketika bergerak ke kelas<br>– untuk kebajikan diri dan orang lain dalam masyarakat | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Hormat-menghormati<br>• Negara mendahului kaum, masyarakat mendahului diri (Susila Rakyat)<br>• Membezakan antara yang betul dengan yang salah (HPYD)<br>• Kesedaran sosial |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Mengamalkan disiplin diri | Murid akan dapat:<br>• memahami pentingnya disiplin diri<br>• menunjukkan disiplin diri | • <u>Apakah itu disiplin diri?</u><br>Disiplin diri merujuk kepada bagaimana seseorang itu menguruskan diri dengan baik dan tidak terganggu ketika menyelesaikan tugasnya contohnya, tidak leka dan tekun ketika menyelesaikan kerja sekolah<br>• <u>Mengapa disiplin diri penting?</u><br>Antara sebab-sebabnya:<br>– agar tersemai tabiat baik<br>– agar matlamat kita tercapai<br>– agar dihormati orang lain<br>– agar menjadi insan yang berguna dan berkesan | • Memupuk tabiat baik (HPYD)<br>• Celik Ekonomi<br>• Celik Kewangan<br>• Pengurusan diri |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • <u>Apa yang perlu saya lakukan sebagai seorang yang berdisiplin diri?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– memberitahu ibu bapa di mana kita berada<br>– arif ketika menggunakan Internet contohnya, tidak melayari lelaman yang tidak sesuai/lucah<br>– mengurus masa dengan baik<br>– menyelesaikan kerja sekolah tepat pada waktunya<br>– -bijak menggunakan wang contonhnya, menabung, tidak boros berbelanja | |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Menjadi ketua kumpulan yang bertanggung-jawab | Murid akan dapat:<br>• mengetahui sifat-sifat seorang ketua kumpulan yang baik<br>• mengamalkan cara-cara seorang ketua kumpulan yang baik | • Bagaimana saya boleh menjadi ketua kumpulan yang baik?<br>Antara sifat-sifat yang boleh saya amalkan:<br>– menunjukkan teladan yang baik<br>– merendah diri dan menerima idea orang lain<br>– menggalakkan para anggota bekerjasama dan berhubungan<br>– membantu para anggota menumpukan perhatian terhadap pencapaian matlamat kumpulan<br>– berkongsi tanggungjawab secara adil di kalangan anggota<br>– mengiktiraf kekuatan setiap anggota | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Integriti<br>• Hormat-menghormati<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Permuafakatan bukan pertikaian (Susila Rakyat)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Pengurusan hubungan |

# TANGGUNGJAWAB
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 3. Menjadi seorang warga negara yang baik. | Murid akan dapat:<br><br>• memahami tanggungjawab seorang warga negara.<br><br>• menunjukkan cara-cara menjadi seorang warga negara yang baik | • Bagaimana saya boleh menjadi seorang warga negara yang baik? Antara sifat-sifat yang boleh saya amalkan:<br>– menegakkan undang-undang dan peraturan<br>– menegakkan prinsip-prinsip unggul negara<br>– memelihara nama baik negara<br>– menjaga harta benda awam dengan baik<br>– mempertahankan negara<br>– memilih pemimpin yang baik, contohnya, pemimpin masyarakat<br>– melakukan yang terbaik bagi negara<br>– memahami kekangan yang ada pada negara contohnya, kekurangan sumber asli | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Integriti<br>• Hormat-menghormati<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Negara Mendahului kaum, masyarakat mendahului diri (Susila Rakyat)<br>• Setiap warga Singapura penting (Singapura 21)<br>• Warga Aktif: Merubah Masyarakat (Singapura 21)<br>• Mencintai Singapura (HPYD)<br>• Singapura adalah tanah air kita; di sini tempat kita (PN)<br>• Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura (PN) |

# Integriti

Seorang yang amanah akan berpegang teguh pada prinsip etika dan mempunyai keberanian moral untuk menegakkan kebenaran.

# INTEGRITI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Bersikap jujur | Murid akan dapat:<br><br>• memahami pentingnya bersikap jujur<br><br>• menunjukkan kejujuran | • Apakah itu kejujuran?<br>Kejujuran bermaksud bercakap dan bertindak benar terhadap diri sendiri dan orang lain. Jika saya jujur, saya berkata yang benar dan ikhlas. Saya tidak berbohong, menipu atau mencuri.<br><br>• Mengapa saya mesti jujur?<br>Antara sebab-sebabnya:<br>– agar dipercayai dan dihormati orang lain<br>– agar hubungan baik dengan orang lain dapat terjalin<br><br>• Bagaimana saya boleh menjadi seorang yang jujur?<br>Seorang yang jujur:<br>– mengakui kesalahannya<br>– menyatakan kebenaran<br>– memulangkan benda-benda yang bukan miliknya<br>– tidak meniru ketika membuat kerja atau menipu dalam ujian | • Keadilan<br>• Keberanian moral<br>• Hormat-menghormati<br>• Amanah<br>• Membezakan antara yang betul dengan yang salah (HPYD)<br>• Kesedaran diri |

# INTEGRITI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • <u>Bagaimana saya boleh menjadi seorang yang jujur?</u><br>Seorang yang jujur:<br>– mengakui kesalahannya<br>– menyatakan kebenaran<br>– memulangkan benda-benda yang bukan miliknya<br>– tidak meniru ketika membuat kerja atau menipu dalam ujian | |

# INTEGRITI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Bersikap amanah | Murid akan dapat:<br><br>• memahami pentingnya bersikap amanah<br><br>• menunjukkan sikap amanah | • Apakah itu amanah?<br>Amanah bererti boleh dipercayai. Apabila kita amanah, kita mengotakan janji dan sentiasa bertindak dengan penuh tanggungjawab terhadap orang lain.<br><br>• Mengapa saya harus amanah?<br>Seorang yang amanah :<br>– mendapat kepercayaan orang lain<br>– menjalin hubungan baik dengan orang lain<br>– membuat keputusan bijak dan bertanggungjawab moral | • Keadilan<br>• Kejujuran<br>• Keberanian Moral<br>• Hormat-menghormati<br>• Amanah<br>• Membezakan antara yang betul dengan yang salah (HPYD)<br>• Kesedaran diri |

# INTEGRITI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Bagaimana saya boleh menjadi seorang yang amanah?<br>Seorang yang amanah:<br>– mengotakan janjinya<br>– tidak bergosip (mengumpat) tentang orang lain<br>– mempunyai keberanian moral, contohnya, menegur perbuatan tidak bermaruah (bermoral) yang disaksikannya | |

# INTEGRITI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Bersikap adil | Murid akan dapat:<br>• mengetahui pentingnya keadilan<br>• menunjukkan keadilan | • Apakah itu keadilan?<br>Keadilan bererti menghormati kebolehan orang lain dalam mencapai sesuatu dan tidak bersikap prejudis (prasangka) terhadap orang lain.<br>• Mengapa saya harus adil kepada orang lain?<br>Keadilan menghasilkan:<br>– persamaan<br>– keadilan.<br>– keharmonian dan keamanan | • Kejujuran<br>• Keberanian Moral<br>• Hormat-menghormati<br>• Amanah<br>• Peluang Untuk Semua (Singapura 21)<br>• Membezakan antara yang betul dengan yang salah (HPYD)<br>• Kita mesti mendukung meritokrasi dan sifat amanah (PN)<br>• Kesedaran Sosial<br>• Pengendalian kendiri<br>• Membuat keputusan yang bertanggungjawab |

# INTEGRITI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Bagaimana saya boleh bersikap adil kepada orang lain?<br>Antara cara-caranya:<br>– melakukan penaakulan moral sebelum bertindak<br>– menyedari motif mementingkan diri sendiri dan mengetepikannya apabila membuat keputusan<br>– menegakkan undang-undang dan peraturan tanpa rasa takut atau pilih kasih contohnya, ketika menyandang jawatan sebagai pemimpin<br>– menegakkan sistem meritokrosi, contohnya, memilih pemimpin (ketua) berdasarkan merit | |

# INTEGRITI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Menegakkan kebenaran | Murid akan dapat:<br>• memahami pentingnya keberanian moral<br>• menunjukkan keberanian moral dalam keadaan (situasi) payah | • Mengapa saya harus menegakkan kebenaran?<br>Dengan berbuat demikian seseorang itu boleh:<br>– mendapat kepercayaan dan dihormati orang lain<br>– -menjalin hubungan baik dengan orang lain<br>– membuat pilihan yang bertanggungjawab moral | • Keadilan<br>• Kejujuran<br>• Keberanian Moral<br>• Hormat-menghormati<br>• Amanah<br>• Membezakan antara yang betul dengan yang salah (HPYD)<br>• Kita mesti mendukung meritokrasi dan sifat amanah (PN)<br>• Kesedaran diri<br>• Membuat keputusan yang bertanggungjawab |

# INTEGRITI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Mengapa saya perlu menegakkan kebenaran?<br>Antara cara-caranya:<br>– mematuhi undang-undang dan peraturan walaupun tidak diperhatikan oleh sesiapa<br>– melaporkan perbuatan jenayah yang kita saksikan contohnya, kecurian, menganiayai binatang<br>– bersikap adil kepada orang lain contohnya, menghormati hak milik/cipta intelek, bersikap jujur<br>– membuat keputusan beretika tentang isu-isu contohnya, ketika menjalankan kajian tentang sains hayat | |

# Sifat Penyayang

Seorang yang penyayang bertindak dengan kebaikan dan belas kasihan. Dia menyumbang ke arah kemajuan masyarakat dan dunia.

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Menjaga diri saya sendiri | Murid akan dapat:<br>• memahami pentingnya memupuk tabiat baik<br>• menunjukkan tabiat baik dalam menjaga diri sendiri<br>• mengamalkan keselamatan diri (peribadi) | • <u>Bagaimanakah saya menjaga diri saya sendiri?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– memupuk tabiat baik<br>– menjauhi diri daripada bahaya<br>• <u>Bagaimana saya menjaga keselamatan diri saya?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– menggunakan benda-benda berbahaya dengan cermat<br>– melindungi diri daripada orang asing yang mencurigakan | • Integriti<br>• Tanggungjawab<br>• Konsep diri<br>• Yakin diri<br>• Harga diri<br>• Hormat diri<br>• Disiplin diri<br>• Nilai diri<br>• Setiap warga Singapura penting (Singapura 21)<br>• Memupuk tabiat baik (HPYD)<br>• Kesedaran diri<br>• Membuat keputusan yang bertanggungjawab |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Menyayangi keluarga saya | Murid akan dapat:<br><br>• memahami keperluan mencintai dan menyayangi keluarga mereka<br><br>• menunjukkan rasa cinta dan sayang terhadap keluarga mereka | • Mengapa saya perlu menunjukkan rasa cinta dan sayang terhadap keluarga saya?<br>Menunjukkan rasa cinta dan sayang membantu mewujudkan sebuah rumah tangga yang bahagia dan harmoni. | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Hormat-menghormati<br>• Keluarga tunjang masyarakat (Susila Rakyat)<br>• Susila Keluarga Singapura<br>• Keluarga Utuh: Asas Kita dan Masa Depan Kita (Singapura 21)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Kesedaran sosial |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Apa yang boleh saya lakukan untuk menyayangi keluarga saya?<br>Antara cara-caranya:<br>– menunjukkan rasa empati dan prihatin terhadap mereka, contohnya memberikan keselesaan kepada anggota keluarga yang sakit<br>– menunjukkan kepekaan terhadap perasaan para anggota<br>– mengingati dan meraikan hari-hari istimewa anggota keluarga, contohnya hari lahir, hari bapa dan hari ibu<br>– menghabiskan masa bersama mereka seperti menyertai acara keluarga | |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 3. Menjadi seorang sahabat yang baik (sahabat karib) | Murid akan dapat:<br>• memahami sifat-sifat seorang sahabat yang baik<br>• memahami cara menjalin dan mengekalkan persahabatan yang baik | • Apakah sifat-sifat seorang sahabat karib?<br>Seorang sahabat karib bersikap jujur, amanah dan penyayang. Dia mengambil berat tentang kebajikan saya dan membantu saya menjadi orang yang lebih baik.<br>• Apakah yang perlu saya lakukan untuk menjadi seorang sahabat karib?<br>Antara cara-caranya:<br>– bersikap jujur<br>– mengelakkan tindakan yang boleh menyebabkan konflik<br>– berbudi bahasa apabila berbual antara satu sama lain<br>– meminta maaf apabila kita melakukan kesilapan<br>– mengotakan janji<br>– menghargai mereka seadanya | • Penghargaan<br>• Kejujuran<br>• Hormat-menghormati<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Kecerdasan Emosi<br>• Berbaik-baik dengan orang lain<br>• Permuafakatan bukan pertikaian (Susila Rakyat)<br>• Menjalin persahabatan dengan orang lain (HPYD)<br>• Pengurusan hubungan |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 4. Menyayangi persekitaran | Murid akan dapat:<br><br>• menghargai dan menyayangi persekitaran | • Apakah yang saya hargai tentang persekitaran?<br>Saya menghargai keindahan dan ekosistemnya.<br><br>• Mengapa saya perlu mengambil berat terhadap persekitaran?<br>Antara sebab-sebabnya:<br>– memastikan persekitaran itu sesuai untuk kehidupan<br>– kita bergantung pada persekitaran untuk mendapatkan udara, air, makanan dan sumber-sumber asli lain<br><br>• Apa yang boleh saya lakukan untuk menjaga persekitaran?<br>Antara cara-caranya:<br>– menggunakan harta benda sekolah dan awam dengan baik<br>– menjaga persekitaran supaya bersih dan menghijau | • Penghargaan<br>• Hormat-menghormati<br>• Tanggungjawab<br>• Mempunyai sifat ingin tahu (HPYD)<br>• Memupuk tabiat baik (HPYD)<br>• Singapura tanah air kita; di sini tempat kita (PN)<br>• Membuat keputusan yang bertanggungjawab |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 5. Menyayangi binatang (haiwan) | Murid akan dapat:<br><br>• menunjukkan cara-cara menyayangi binatang | • Bagaimana saya menunjukkan sayang terhadap binatang?<br>Antara cara-caranya:<br>– tidak menganiayai mereka<br>– memberi bantuan bila perlu, contohnya menghubungi pihak-pihak tertentu seperti SPCA apabila menyaksikan perbuatan menganiayai binatang | • Penghargaan<br>• Hormat-menghormati<br>• Tanggungjawab<br>• Membuat keputusan yang bertanggungjawab |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Menyumbang kepada kesejahteraan keluarga | Murid akan dapat:<br>• memahami bahawa semua anggota keluarga memainkan peranan dalam membina perpaduan dan membawa kebahagiaan pada rumahtangga<br>• menyumbang kepada perpaduan dan kebahagiaan keluarga | • <u>Mengapa saya harus menyumbang kepada kesejahteraan keluarga saya?</u> Kesemua anggota perlu sama-sama berusaha membina sebuah rumah tangga yang bahagia dan harmoni.<br>• <u>Apakah yang boleh saya lakukan bagi menyumbang kepada kesejahteraan keluarga saya?</u> Antara cara-caranya:<br>– menjaga nama baik keluarga saya<br>– menyedari tentang pendapatan dan perbelanjaan keluarga saya<br>– memahami dan tidak membebani keluarga saya dengan permintaan-permintaan yang tidak wajar (perlu) | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Harmoni<br>• Hormat-menghormati<br>• Keluarga tunjang masyarakat (Susila Rakyat)<br>• Susila Keluarga Singapura<br>• Keluarga Utuh: Asas Kita dan Masa Depan Kita (Singapura 21)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Celik Ekonomi / Kewangan<br>• Pengurusan hubungan |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Menyayangi masyarakat | Murid akan dapat:<br><br>• mengetahui pentingnya menyayangi anggota masyarakat, terutama yang kurang bernasib baik<br><br>• menunjukkan cara-cara menyayangi anggota masyarakat, terutama yang kurang bernasib baik | • <u>Mengapa saya harus menyayangi anggota masyarakat, terutama mereka yang kurang bernasib baik?</u> Negara ini tanah air kita dan menjaga kebajikan warga kita dan memikirkan masa depan mereka adalah tanggungjawab kita. | • Penghargaan<br>• Empati<br>• Hormat-menghormati<br>• Tanggungjawab<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Kesukarelaan<br>• Sokongan dan penghormatan masyarakat kepada individu (Susila Rakyat)<br>• Setiap warga Singapura penting (Singapura 21)<br>• Warga Aktif: Merubah Masyarakat (Singapura 21)<br>• Belajar berkongsi dan mengutamakan orang lain (HPYD)<br>• Menjalin persahabatan dengan orang lain (HPYD)<br>• Pengurusan hubungan |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Apakah yang dapat saya lakukan untuk anggota masyarakat saya, terutama yang kurang bernasib baik?<br>Antara cara-caranya:<br>– membantu mereka yang kurang bernasib baik di negara saya, contohnya menyumbang secara aktif dalam khidmat masyarakat dan pengumpulan dana<br>– menjadi sahabat karib, contohnya sedia mendengar<br>– menjadi jiran yang suka membantu, contohnya menyiram pokok bunga mereka apabila  mereka berada di luar negeri | |

# SIFAT PENYAYANG
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 3. Melindungi persekitaran | Murid akan dapat:<br><br>• memahami pentingnya menjaga persekitaran<br><br>• menyumbang kepada perlindungan/ penjagaan dan pemuliharaan sekitaran | • <u>Mengapakah melindungi persekitaran itu penting?</u><br>Antara sebab-sebabnya:<br>– agar dapat terus hidup dalam persekitaran yang sihat<br>– agar dapat memahami bahawa kemusnahan terhadap persekitaran itu tidak boleh diperbaiki semula<br>– agar tahu bahawa kos (belanja) memperbaiki kerosakan sangat mahal<br><br>• <u>Apakah yang dapat saya lakukan bagi menjaga persekitaran?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– menggunakan produk yang tidak membahayakan persekitaran, contohnya produk bukan CFC<br>– melibatkan diri dengan aktiviti kitar semula seperti mengasingkan sampah sarap bagi membantu usaha-usaha pengitaran semula | • Penghargaan<br>• Hormat-menghormati<br>• Tanggungjawab<br>• Membezakan antara yang betul dengan yang salah (HYPD)<br>• Kesedaran sosial |

# Daya Bingkas

Seorang yang bersemangat waja mempunyai kekuatan emosi dan ketabahan dalam menghadapi cabaran. Sifatnya menggambarkan keberanian, sikap optimis, keupayaan menyesuaikan diri dan kebijaksanaan.

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Menangani perubahan | Murid akan dapat:<br><br>• mengetahui cara menyesuaikan diri dengan perubahan dalam kehidupan | • <u>Apakah antara perubahan dalam kehidupan saya?</u><br>Antara perubahan-perubahannya:<br>– perubahan dalam keluarga contohnya, kedatangan bayi yang baru lahir, kematian dan perceraian, dan perubahan pada gaya hidup<br>– menyesuaikan diri dengan persekitaran baru contohnya, mula ke sekolah, menjalin hubungan dengan kawan baru<br>– menanggung (mengurus) kerja sekolah<br>– kegagalan di sekolah<br>– tekanan daripada ibu bapa | • Keupayaan menyesuaikan diri<br>• Optimisme<br>• Kebijaksanaan<br>• Peluang untuk semua (Singapura 21)<br>• Kesedaran diri |

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • <u>Bagaimana perubahan menjejas diri saya?</u><br>Mengenal pasti perasaan terhadap perubahan dalam kehidupan:<br>– kesedihan<br>– tekanan (stres)<br>– perihal yang melemahkan semangat/tidak menggalakkan<br>– kekecewaan<br>• <u>Bagaimana saya dapat menangani perubahan dengan baik?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– menumpukan perhatian pada apa yang boleh kita lakukan, bukan sebaliknya<br>– mencuba dan mempelajari sesuatu yang baru contohnya, berkenalan dengan teman baru<br>– mengemukakan pelbagai cara bagi menyelesaikan masalah | |

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Menjadi pelajar yang tekun atau bermotivasi tinggi | Murid akan dapat:<br><br>• mengetahui pentingnya belajar<br><br>• menunjukkan ketekunan untuk belajar | • Apakah itu belajar?<br>Belajar bererti mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran baru seperti:<br>– mempelajari permainan atau sukan baru<br>– belajar menggunakan komputer<br><br>• Bagaimana belajar dapat membantu saya?<br>Belajar membantu saya untuk:<br>– menangani perubahan dan situasi baru<br>– menyiapkan diri bagi masa depan | • Penghargaan<br>• Kreativiti<br>• Belajar sepanjang hayat<br>• Kebijaksanaan<br>• Sifat ingin tahu (HPYD)<br>• Celik Ekonomi<br>• Pengurusan diri |

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Bagaimana saya boleh menjadi pelajar yang tekun?<br>Antara cara-caranya:<br>– tidak takut bertanya soalan<br>– mempunyai sifat ingin tahu<br>– seronok apabila mendapat pengetahuan baru<br>– bersemangat (ghairah) bila menyertai perbincangan<br>– tabah apabila mereka mengalami kesulitan | |

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1 Bersikap optimistik | Murid akan dapat:<br>• mengetahui pentingnya bersikap optimistik<br>• terus bersikap optimistik pada masa-masa susah | • Apakah itu optimisme?<br>Seorang yang optimistik:<br>– sentiasa positif<br>– bersemangat waja (teguh atau tabah)<br>– dapat menyesuaikan diri<br>• Bagaimana saya boleh bersikap optimistik?<br>Antara cara-caranya:<br>– menumpukan perhatian pada penyelesaian yang mungkin dilakukan, bukan sebaliknya<br>– mencari cara-cara lain bagi menyelesaikan sesuatu masalah<br>– menerima teguran dan kritikan dengan baik<br>– tidak membesar-besarkan hal-hal atau perasaan yang negatif<br>– berlapang dada dan terbuka terhadap perubahan | • Keupayaan menyesuaikan diri<br>• Optimisme<br>• Kebijaksanaan<br>• Peluang untuk semua (Singapura 21)<br>• Mempunyai sifat ingin tahu (HPYD)<br>• Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura (PN)<br>• Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita (PN)<br>• Kesedaran diri<br>• Pengurusan diri |

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Berazam (bertekad) | Murid akan dapat:<br>• memahami pentingnya berazam<br>• menunjukkan keazaman dalam mencapai matlamat | • <u>Mengapa mempunyai keazaman itu penting?</u><br>Keazaman dapat membantu mengatasi rintangan seperti:<br>– kurang baik dalam kerja sekolah<br>– tidak berupaya melakukan sesuatu dengan baik contohnya, menari atau bermain piano<br>– gagal, contohnya, dalam ujian dan peperiksaan<br>– masalah dalam keluarga contohnya, masalah kewangan disebabkan pemberhentian kerja<br>• <u>Apa yang dapat saya lakukan bagi mencapai matlamat saya?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– melihat kegagalan sebagai cabaran<br>– berlatih bersungguh-sungguh menguasai sesuatu kemahiran<br>– tidak menyerah kalah | • Keupayaan menyesuaikan diri<br>• Optimisme<br>• Kebijaksanaan<br>• Kekuatan emosi<br>• Komitmen (Iltizam) (Susila Keluarga Singapura)<br>• Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura (PN)<br>• Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita (PN)<br>• Celik Ekonomi<br>• Celik Kewangan<br>• Pengurusan diri |

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 3. Menjadi bijaksana | Murid akan dapat:<br><br>• memahami pentingnya menjadi bijaksana<br><br>• menunjukkan kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah | • <u>Apakah itu kebijaksanaan?</u><br>Seorang yang bijaksana:<br>– dapat menyesuaikan diri<br>– kreatif dan inovatif<br>– tidak takut/segan meminta bantuan<br>– tidak takut/segan mengadu hal kepada orang lain<br><br>• <u>Mengapa menjadi bijaksana itu penting ketika menghadapi kesulitan?</u><br>Antara sebab-sebabnya:<br>– mencari jalan (cara) lain bagi menyelesaikan masalah<br>– mencari jalan (cara) lain bagi memahami sesuatu<br>– mencari jalan (cara) bagi mengatasi tanggungan beban tugas dengan baik | • Keupayaan menyesuaikan diri<br>• Kreativiti<br>• Keinovatifan<br>• Belajar sepanjang hayat<br>• Mempunyai sifat ingin tahu (HPYD)<br>• Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura (PN)<br>• Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita (PN)<br>• Celik Ekonomi<br>• Celik Kewangan<br>• Pengurusan diri |

# DAYA BINGKAS
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| | | • Bagaimana saya boleh menjadi seorang yang bijaksana?<br>Antara cara-caranya:<br>– komited terhadap peningkatan diri<br>– banyak membaca<br>– menerima secara terbuka cadangan dan idea<br>– menerima perubahan<br>– dapat melihat (memahami) perspektif baru | |

# Harmoni

Seorang yang menghargai harmoni mengekalkan hubungan baik dan menggalakkan pergaulan masyarakat. Dia menghargai perpaduan dan kepelbagaian sebuah masyarakat berbilang budaya.

# HARMONI
## PRIMARI BAWAH

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Berinteraksi dengan kawan-kawan yang berlainan kaum | Murid akan dapat:<br><br>• berinteraksi dengan kawan-kawan yang berlainan kaum<br><br>• mengambil inisiatif untuk berinteraksi dengan kawan-kawan yang berlainan kaum | • Mengapa penting menjalin persahabatan dengan kaum-kaum lain?<br>Antara sebab-sebabnya:<br>– kita adalah masyarakat berbilang kaum<br>– untuk memahami satu sama lain<br>– untuk membina persekitaran hidup yang harmoni<br>– untuk meningkatkan keamanan dan kestabilan<br><br>• Bagaimana saya boleh berinteraksi dengan kawan-kawan yang berlainan kaum?<br>Antara cara-caranya:<br>– mengetahui ucap selamat yang mudah-mudah<br>– mengetahui budaya dan amalan mereka<br>– sensitif terhadap keperluan mereka<br>– menyertai perayaan budaya mereka | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Hormat-menghormati<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Permuafakatan, bukan pertikaian (Susila Rakyat)<br>• Keharmonian kaum dan agama (Susila Rakyat)<br>• Menjalin persahabatan dengan orang lain (HPYD)<br>• Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama (PN)<br>• Deklarasi Keharmonian Agama<br>• Kesedaran sosial |

# HARMONI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 1. Meraikan kepelbagaian budaya | Murid akan dapat:<br><br>• mengetahui dan menghargai beberapa amalan agama dan budaya dalam masyarakat berbilang kaum kita | • Apakah contoh-contoh perayaan dan amalan agama serta budaya masyarakat berbilang bangsa kita?<br>Antara contoh-contohnya:<br>– Orang Melayu: ucap selamat, solat lima waktu<br>– Orang Cina: makan malam bersama, Tahun Baru Cina<br>– Orang India: Thaipusam, upacara menamakan bayi<br><br>• Apa yang boleh saya lakukan untuk menghargai kepelbagaian budaya dalam masyarakat berbilang kaum kita?<br>Antara cara-caranya:<br>– mendapat lebih banyak maklumat mengenainya<br>– menyertai pelbagai perayaan budaya<br>– sensitif terhadap amalan pelbagai adat dan kepercayaan | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Ikatan Masyarakat<br>• Hormat-menghormati<br>• Keharmonian kaum dan agama (Susila Rakyat)<br>• Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama (PN)<br>• Deklarasi Keharmonian Agama<br>• Kesedaran sosial |

# HARMONI
## PRIMARI ATAS

| Topik | Objektif Pembelajaran | Bidang | Konsep/Nilai Berkaitan/Mesej |
|---|---|---|---|
| 2. Persahabatan dengan negara-negara lain | Murid akan dapat:<br><br>• memahami keperluan menjalin dan mengekalkan persahabatan dengan negara-negara lain<br><br>• mengetahui bagaimana seorang dapat menyumbang ke arah mengekalkan persahabatan dengan negara-negara lain | • <u>Mengapa kita mesti menjalin persahabatan dengan negara-negara lain?</u><br>Antara sebab-sebabnya:<br>– bagi menjalin hubungan kerja dengan mereka<br>– bagi menjamin keamanan dan kestabilan dunia<br>– bagi saling bantu-membantu pada masa susah, contohnya, berkongsi sumber<br><br>• <u>Apakah yang dapat kita lakukan bagi mengekalkan hubungan baik dengan negara-negara lain?</u><br>Antara cara-caranya:<br>– mengetahui dan memahami budaya mereka, contohnya, menyertai Hari Persahabatan Antarabangsa<br>– mematuhi peraturan dan undang-undang mereka bila kita melancong | • Penghargaan<br>• Sifat Penyayang<br>• Saling bergantungan<br>• Persahabatan Antarabangsa<br>• Keamanan<br>• Hormat-menghormati<br>• Masyarakat Kita<br>• Masyarakat Dunia<br>• Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita (PN)<br>• Celik Ekonomi<br>• Kesedaran sosial |